

Pegawai awam wajar contohi Raja Mohar

BH-20/3/2007.

PM anggap negarawan banyak berjasa, pahlawan bangsa

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kewibawaan dan ketokohan bekas pegawai kanan kerajaan seperti Allahyarham Raja Tun Mohar Raja Badiozaman, harus menjadi iktibar kepada pegawai kanan perkhidmatan awam sekarang.

Katanya, walaupun tidak mengenali Raja Tun Mohar secara rapat ketika menjadi pegawai kanan muda kerajaan, beliau berkesempatan menganggotai pelbagai jawatankuasa yang dipengerusikan atau dianggotai Allahyarham.

"Raja Tun Mohar adalah tokoh yang sentiasa dipandang tinggi, disegani dan dikagumi pegawai muda seperti saya berdasarkan kepada pandangan bernas dan keupayaannya merumuskan penyelesaian bagi sebarang masalah walau sesukar mana sekali pun.

"Kalau beliau tidak dapat hadir pada sesuatu mesyuarat, anggota yang lain akan berasa ada kekurangan atau ada yang tak kena dengan perjumpaan itu.


"Bagi saya, Raja Tun Mohar adalah pahlawan bangsa yang banyak berjasa kepada negara. Beliau adalah seorang negarawan unggul," katanya pada majlis pelancaran biografi bergambar Raja Tun Mohar bertajuk *A Gracious Prince: The Pride Of The Nation*, di sini semalam.

Hadir sama, balu Allahyarham, Toh Puan Norella Talib; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Yayasan Kemanusiaan Malaysia (MHF), Tan Sri Dr Mazlan Ahmad.

Selain biografi bergambar mengenai Raja Tun Mohar, buku terbitan MHF itu turut mengandungi nukilan kenalan dan rakan sekerjanya dalam sektor korporat dan awam mengenainya.

Penghasilan buku yang dibiayai dengan sumbangan korporat dan individu tertentu itu dijual pada harga RM50 bagi naskhah berkulit lembut dan antara RM250 hingga RM1,000 untuk edisi terhad berkulit keras.

Perdana Menteri berkata, beliau mengenali Raja Tun Mohar ketika ber-



MAJLIS PELANCARAN: Abdullah menandatangani gambar Raja Tun Mohar selepas melancarkan Buku Biografi Raja Tun Mohar Raja Badiozaman di KLCC, semalam. Turut hadir, Pengerusi Yayasan Kemanusiaan Malaysia, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad.

khidmat dalam perkhidmatan awam antara 1964 hingga 1974, termasuk ketika memegang jawatan terakhirnya selaku Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

Katanya, ramai yang menghargai pandangan dan nasihat Allahyarham kerana beliau amat penyabar, berdedikasi terhadap tugas, tidak pernah meninggikan suara atau menunjukkan kejengkelan terhadap sesiapa yang menyapanya.

"Raja Tun Mohar juga bertanggungjawab merangka pelbagai program pembangunan sosioekonomi untuk membangunkan golongan muda," katanya.

Raja Tun Mohar yang meninggal dunia pada 2003 ketika berusia 81 tahun, dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak pada 1922 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Clifford sebelum melanjutkan pelajaran ke Raffles College, Singapura.

“Raja Tun Mohar adalah tokoh yang sentiasa dipandang tinggi, disegani dan dikagumi pegawai muda seperti saya berdasarkan kepada pandangan bernas dan keupayaannya merumuskan penyelesaian bagi sebarang masalah”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Allahyarham memperoleh ijazah sarjana muda ekonomi Universiti Cambridge pada 1952 dan diploma ekonomi pertanian Universiti Oxford.

Beliau bertugas dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu pada 1938 dan Pegawai Pentadbiran Tanah Melayu pada 1953 selepas menamatkan pengajian di Universiti Cambridge.

Selain menjadi Penasihat Ekonomi Negara kepada tiga Perdana Menteri, iaitu Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir; beliau bertanggungjawab menubuhkan syarikat Bumiputera sepenuhnya, iaitu Permodalan Nasional Berhad.

Raja Tun Mohar juga perunding berwibawa dan dipercayai pemimpin asing, termasuk membolehkan Malaysia menandatangani perjanjian dagangan dengan dua negara komunis, iaitu Russia dan China.